



KEMENTERIAN PELANCONGAN
DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



BUKU PANDUAN LESEN KHAS UMRAH (LKU)

LESEN
PEMBAHARUAN
LESEN PERNIAGAAN
PENGENDALIAN
TAMBAH BIDANG
GARIS PANDUAN
AGENSIT
SYARAT-SYARAT
PEGAWAI PEMASARAN

BUKU PANDUAN LESEN KHAS UMRAH (LKU)

ISI KANDUNGAN

Perutusan Khas Pengerusi Majlis Kawal Selia Umrah	02
Penghargaan	04
Pendahuluan	04
Latar Belakang	05

Keterangan Lesen Khas Umrah dan Fi

Garis Panduan Tambah Bidang Umrah	• 07
Garis Panduan Pembaharuan Lesen Umrah	• 09
Syarat-syarat Peraturan LKU di bawah 6(1)(n) bagi Pengendalian Umrah	• 17
Senarai Semak Borang Permohonan LKU/1	• 20
Contoh Sijil Lesen Khas Umrah	• 21
Carta Aliran Permohonan Lesen Khas Umrah	• 22

Pegawai Pemasaran Umrah

Syarat-syarat Pelantikan Pegawai Pemasaran Umrah	• 24
Reka Bentuk Pas Pegawai Pemasaran Umrah	• 25
Carta Aliran Permohonan Pas Pegawai Pemasaran Umrah	• 26

Pengiklanan Pakej Umrah

Senarai Semak Permohonan Kelulusan Iklan Pakej Umrah	28
Contoh Iklan Mengikut Spesifikasi	29

Soalan-Soalan Lazim berkaitan Lesen Khas Umrah

31

PERUTUSAN KHAS PENGERUSI MAJLIS KAWAL SELIA UMRAH

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam
1Malaysia.

Alhamdulillahirabbil'aalamin, segala puji dipanjatkan kepada Allah kerana dengan kurnia-Nya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah berjaya menerbitkan Buku Panduan Lesen Khas Umrah (LKU) ini. Saya mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pelancaran Buku Panduan Lesen Khas Umrah ini khususnya kepada semua ahli Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU). Idea LKU sama-sama kita dengar dan usahakan sejak tahun 2014. Sejak dari itu, perkara ini telah diteliti oleh pihak Kerajaan dan diperincikan melalui platform MKSU agar inisiatif yang baru diperkenalkan ini mampu memacu dan mentransformasikan perniagaan pelancongan berkaitan Umrah di Malaysia. Istimewanya, LKU ini telah kita rangka agar industri Umrah ini diusahakan oleh 100% pengusaha Islam warganegara Malaysia bagi pengguna Islam Malaysia dengan harapan ianya memenuhi kehendak dan keperluan duniaawi serta ukhrawi ibadah tersebut.

Sepertimana kita sedia maklum, mengerjakan Haji dan Umrah adalah ibadah yang dituntut oleh Islam ke atas mereka yang berkemampuan. Berdasarkan bancian tahun 2010, 60% penduduk Malaysia adalah beragama Islam iaitu 17.4 juta orang. Senario semasa yang melihat kepada populasi umat Islam yang tinggi, pelaksanaan dasar penetapan kuota oleh Kerajaan



Arab Saudi bagi ibadah Haji dan kos yang tinggi bagi melaksanakan ibadah tersebut telah mendorong ramai umat Islam Malaysia memilih untuk mengerjakan ibadah Umrah. Hal ini dapat dilihat melalui peningkatan mendadak jumlah jemaah Umrah Malaysia daripada tahun 2009 yang dianggarkan seramai 90,000 meningkat kepada 250,000 pada tahun 2017. Ini merupakan satu indikator yang baik kepada industri pelancongan berkaitan umrah yang dianggarkan telah mencatat transaksi perniagaan melebihi RM1.1 billion pada musim umrah 1438 Hijrah lalu. Permintaan ini dijangka akan terus meningkat dan hal ini diharap dapat terus memacu industri pelancongan yang menyumbang kepada ekonomi negara. Pihak Kerajaan juga senantiasa menyokong industri pelancongan agar terus ke hadapan sebagai pemudah cara

dan pencetus untuk memajukan segmen-segmen baru ekonomi seperti Islamic Tourism yang berpotensi untuk dimajukan dengan lebih jauh lagi.

Penghasilan Buku Panduan Lesen Khas Umrah ini adalah bertujuan sebagai dokumen rujukan utama kepada semua penggiat industri pelancongan di Malaysia khususnya bagi mereka yang berminat untuk menjalankan perniagaan pelancongan berkaitan Umrah dan Ziarah. Buku ini menerangkan semua aspek berkaitan LKU daripada objektifnya sehinggalah kepada garis panduan, proses dan prosedur yang terlibat untuk memohon sesuatu Lesen Khas Umrah LKU itu sendiri. Maklumat lain seperti pelantikan Pegawai Pemasaran Umrah dan garis panduan pengiklanan pakej umrah diharap dapat membantu agensi-agensi pelancongan memantapkan lagi tadbir urus terbaik masing-masing dalam usaha meningkatkan kualiti sistem penyampaian dan pengendalian perkhidmatan Umrah untuk terus berdaya maju dan bersaing dengan penuh tanggungjawab.

Pembangunan LKU ini juga telah dirangka agar mendorong lebih banyak syarikat-syarikat baru untuk turut menceburkan diri dalam bidang ini walaupun berskala kecil dengan mengadakan kerjasama bersama syarikat berpengalaman dan berstatus Muassasah agar dapat mengetahui selok-belok perniagaan ini serta mematuhi semua keperluan perundangan di pihak Kerajaan Malaysia dan Kerajaan

Arab Saudi. Di samping menjadi lesen menjalankan perniagaan, LKU ini juga mengiktiraf syarikat sebagai sebuah entiti bertauliah yang memiliki kapasiti dan kepakaran untuk mengendalikan jemaah Umrah, sekaligus meyakinkan seluruh umat Islam di Malaysia akan perniagaan yang dijalankan adalah benar-benar jujur, terjamin sah serta mampu menepis kerisauan pengguna daripada menjadi mangsa penganiayaan dan penipuan pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

Akhir kata, saya berharap segala maklumat di dalam Buku Panduan LKU ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penggiat industri di Malaysia dan seterusnya dapat mendokong niat serta usaha murni Kerajaan ke arah penyelesaian isu-isu berkaitan Umrah demi pembangunan ummah dan agama. Saya juga yakin bahawa persepsi masyarakat disebabkan isu-isu negatif berkaitan Umrah yang secara tidak langsung mencemar kesucian Islam pada masa lalu akan dapat kita perbetulkan sewajarnya, dan memberi manfaat berterusan kepada seluruh umah Islam khususnya, insyaAllah.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK
HAJAH MAS ERMIEYATI SAMSUDIN**
TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN DAN
KEBUDAYAAN

PENGHARGAAN

Bahagian Pelesenan Pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ingin merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga khusus kepada ahli-ahli Majlis Kawal Selia Umrah, serta

Persatuan BUMITRA, MATTA dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di atas sumbangan maklumat dan input dalam penerbitan Buku Panduan Lesen Khas Umrah ini.

PENDAHULUAN

Penerbitan Buku Panduan ini merupakan satu langkah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia untuk memastikan semua agensi pengelola Umrah yang berkeelayakan dilesenkan secara rasmi. Lesen Khas Umrah ini dijangka dapat memperkemaskan proses pengendalian Umrah dijalankan secara profesional dan terbaik bagi umat Islam.

Secara umumnya, penyediaan Buku Panduan ini bertujuan untuk memberikan penjelasan mengenai proses yang teratur dan sistematik dalam pentadbiran sebagai panduan menyeluruh untuk membuat permohonan Tambah Bidang (Umrah). Ia

menjelaskan mengenai syarat-syarat dan proses permohonan Lesen Khas Umrah kepada agensi-agensi pengendalian Umrah yang berkeelayakan. Buku ini juga memberi panduan mengenai Pelantikan Pegawai Pemasaran Umrah dan Pengiklanan Pakej Umrah yang berkaitan. Dengan adanya satu panduan rasmi ini, diharap ia akan membantu agensi-agensi pelancongan yang benar-benar berkeelayakan untuk mendapatkan Lesen Khas Umrah dan seterusnya memperkemaskan pengendalian dan perkhidmatan Umrah bagi jemaah Malaysia.

LATAR BELAKANG

Buku Panduan Lesen Khas Umrah ini menerangkan mengenai aspek-aspek berkaitan dengan Garis Panduan Permohonan Tambah Bidang (Umrah) dan Pembaharuan Lesen Umrah, Garis Panduan Pegawai Pemasaran Pakej Umrah, Syarat Pengiklanan Pakej Umrah dan Soalan-soalan Lazim berkaitan Lesen Khas Umrah.

Objektif Penyediaan Buku Panduan Lesen Khas Umrah adalah untuk:

i. Menyediakan maklumat berkaitan permohonan Lesen Khas Umrah, Syarat-syarat dan Proses Pelantikan Pegawai Pemasaran Pakej Umrah dan Garis Panduan mengenai Syarat-syarat Pengiklanan Pakej Umrah;

ii. Menyeragamkan semua maklumat berkaitan Lesen Khas Umrah sebagai rujukan bersepadu yang jelas mengenai permohonan Lesen Khas Umrah; dan

iii. Menambah baik dan meningkatkan tahap kecekapan pengendalian permohonan Lesen Khas Umrah secara profesional bagi setiap agensi pengelola Umrah yang berkeelayakan.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMBAH BIDANG (UMRAH)

PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN /
PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

KETERANGAN LESEN KHAS UMRAH DAN FI

1. Syarat-syarat permohonan:

- a) Syarikat **mempunyai lesen dalam bidang IOT** yang masih sah.
- b) Syarikat hendaklah berstatus **Exisiting** (sertakan e-info SSM).
- c) Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang saham hendaklah **WARGANEGARA MALAYSIA** dan beragama **ISLAM**.
- d) Pegangan ekuiti syarikat **HENDAKLAH** 100% dimiliki oleh warganegara Malaysia yang beragama Islam.
- e) **Bebas daripada kompaun** di bawah Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999 (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).
- f) Seorang Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Saham hendaklah menghadiri **kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU)** yang dianjurkan oleh mana-mana Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berdaftar dengan KPK.
- g) Sekiranya pengarah/pemegang saham merupakan Kakitangan Kerajaan/Badan Berkanun yang sedang berkhidmat, dia hendaklah mendapatkan kebenaran dari Ketua Jabatan.

2. Dokumen yang diperlukan:

- a) Salinan sijil KPPU yang dihadiri dalam tempoh tiga (3) tahun semasa.
- b) Sesalinan perjanjian terkini dengan Muasassah di Arab Saudi bagi syarikat berstatus Muasassah;
atau
Sesalinan perjanjian kerjasama perniagaan yang terkini dengan sekurang-kurangnya dengan satu (1) syarikat berstatus Muasassah di Malaysia.
- c) Sesalinan dokumen polisi insurans takaful untuk melindungi setiap jemaah Umrah sekiranya berlaku kecemasan, penyakit dan kematian yang turut merangkumi perlindungan:
 - i. Kemalangan diri ke atas jemaah;
 - ii. Kos rawatan perubatan;

- iii. Penghantaran balik jemaah disebabkan kesihatan;
 - iv. Pengurusan jenazah; dan
 - v. Terkandas disebabkan faktor-faktor munasabah sebelum/semasa/selepas perjalanan ke Mekah/Madinah.
- d) Sesalanan dokumen polisi insuran indemniti profesional (*professional indemnity insurance*).
- e) Cadangan Pakej Umrah atau Ziarah yang akan ditawarkan.
- f) Sesalanan sijil keahlian MATTA atau BUMITRA yang masih sah sekurang-kurangnya 6 bulan semasa permohonan dibuat.
- g) Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (sekiranya berkaitan).
- h) Sesalanan carian status kebangkrapan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia bagi ahli lembaga pengarah dan pemegang saham.
- i) Apa-apa dokumen lain atas permintaan oleh Pesuruhjaya bagi maksud memproses permohonan.

3. **Tatacara Permohonan:**

Menggunakan Borang LKU/1 bagi permohonan tambah bidang (sehingga sistem SPIP dikemaskini).

4. **Piagam Pelanggan:**

20 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

5. **Keputusan Permohonan:**

Surat keputusan permohonan akan di alamatkan kepada alamat syarikat yang dilesenkan.

6. Bagi permohonan yang **TIDAK DILULUSKAN**

- (a) Syarikat boleh mengemukakan rayuan bertulis **dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat keputusan dikeluarkan dan dokumen-dokumen berkaitan berdasarkan alasan penolakan permohonan;
- (b) Rayuan hanya boleh dibuat **sekali sahaja** kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif. Tiada rayuan atas rayuan boleh dibuat; dan
- (c) Sekiranya rayuan **DITOLAK**, syarikat boleh mengemukakan permohonan baru seperti di perkara 3.

Tarikh Kuat kuasa:

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 01 OKTOBER 2017.

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN / PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

1. **Syarat-Syarat Permohonan:**

- a) Permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada **Pesuruhjaya Pelancongan** dalam tempoh **enam puluh (60) hari sebelum** tempoh sah laku lesen berakhir.
- b) Permohonan pembaharuan lesen yang dikemukakan **selepas** tempoh sah laku lesen boleh dikenakan kompaun.
- c) Permohonan pembaharuan lesen **ibu pejabat dan pejabat cawangan** (jika ada) hendaklah dikemukakan secara serentak.
- d) Sekurang-kurangnya seorang wakil syarikat telah menghadiri kursus '**Travel & Tour Enhancement Course**' (TTEC) anjuran oleh **Institut Latihan Pelancongan (ILP)** yang berlesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
 - Wakil syarikat boleh terdiri daripada kategori jawatan seperti berikut:
 - **Pemegang saham**; atau
 - **Ahli lembaga pengarah**; atau
 - **Kakitangan** syarikat yang memegang jawatan dalam **pengurusan tertinggi** syarikat (Contoh: Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pegawai Operasi / Pengurus Besar / jawatan lain yang setaraf).
- e) Syarikat hendaklah menjelaskan semua **tunggakan kompaun** yang perlu dibayar di bawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 (Akta 482)** dan / atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999 (Akta 594)** bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (jika ada).

2. **Dokumen Sokongan (berkuatkuasa pada 1 Oktober 2017):**

- a) Sekiranya syarikat ada **membuat perubahan kepada status syarikat termasuk perubahan pada nama syarikat, modal berbayar,**

pemegang saham atau ahli lembaga pengarah) atau perubahan lokasi premis perniagaan, syarikat hendaklah mengemukakan dokumen seperti yang dinyatakan dalam **Garis Panduan Perubahan Status & Lokasi Premis Perniagaan Pengendalian Pelancongan & Perniagaan Agensi Pengembaraan**;

- b) Salinan **laporan penyata kewangan tahunan beraudit terkini** yang telah diserahkan dan disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- c) Salinan **lesen kenderaan pelancongan** (bas persiaran & kereta sewa pandu) syarikat yang dikeluarkan di bawah **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 (Akta 594)** atau **Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715)** - (jika berkenaan);
- d) Salinan **sijil keahlian persatuan pelancongan** (yang masih sah laku) dan diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia; dan
- e) Salinan **sijil kursus 'Travel & Tours Enhancement Course' (TTEC)** wakil syarikat.

3. Syarat Tambahan Pembaharuan bagi yang Mempunyai Bidang Umrah Seperti di Lampiran D1.

4. Tatacara Permohonan:

- a) Melengkapkan maklumat permohonan **secara dalam talian (online)** di dalam **Sistem Pelesenan Industri Pelancongan (SPIP)** melalui laman sesawang **www.spip.gov.my**; dan
- b) Semua dokumen seperti yang dinyatakan di **perenggan 2** hendaklah dimuatnaik ke dalam SPIP.

5. Fi Proses:

- a) **Pembayaran secara dalam talian:** RM20.00 bagi **lesen Ibu Pejabat dan setiap lesen pejabat Cawangan** di **www.spip.gov.my**; atau
- b) **Pembayaran secara manual:** RM20.00 bagi **lesen Ibu Pejabat dan setiap lesen pejabat cawangan** dalam bentuk **wang pos / draf bank / kiriman wang** atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**.

6. Piagam Pelanggan: 20 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

7. Kriteria Kelulusan Pembaharuan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan & Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB):

Bil.	Perkara	Tempoh Lesen
1.	<ul style="list-style-type: none"> a) Dokumen permohonan pembaharuan lengkap; b) Syarikat mencatatkan keuntungan pada tahun semasa; dan c) '<i>Statement Of Changes In Equity</i>' menunjukkan baki ekuiti mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan (Lampiran A). 	Tiga (3) tahun
2.	<ul style="list-style-type: none"> a) Dokumen permohonan pembaharuan lengkap; b) Syarikat mencatatkan kerugian pada tahun semasa; dan c) '<i>Statement Of Changes In Equity</i>' menunjukkan baki ekuiti mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan (Lampiran A) 	Dua (2) tahun
3.	<ul style="list-style-type: none"> a) Dokumen permohonan pembaharuan lengkap; b) Syarikat mencatatkan keuntungan / kerugian pada tahun semasa; c) '<i>Statement Of Changes In Equity</i>' menunjukkan baki ekuiti tidak mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan (Lampiran A); dan d) '<i>Balance Sheet</i>' menunjukkan syarikat mempunyai aset yang mencukupi untuk menjelaskan liabiliti syarikat. 	Satu (1) tahun
4.	<ul style="list-style-type: none"> a) Dokumen permohonan pembaharuan lengkap; b) '<i>Balance Sheet</i>' menunjukkan syarikat tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk menjelaskan liabiliti syarikat; <p style="text-align: center;">Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> c) Dokumen permohonan pembaharuan tidak lengkap; <p style="text-align: center;">Atau</p> <ul style="list-style-type: none"> d) Mengemukakan permohonan pembaharuan lesen melebihi tempoh 60 hari sebelum tempoh sah laku lesen tamat. 	Tidak lulus

8. **8. Kriteria Kelulusan Pembaharuan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan & Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) Bagi Syarikat Pengendali Kenderaan Pelancongan (Bas Persiaran & Kereta Sewa Pandu):**

Bil.	Perkara	Tempoh Lesen
1.	a) Dokumen permohonan pembaharuan lengkap ; b) Syarikat mencatatkan keuntungan pada tahun semasa ; c) 'Statement Of Changes In Equity' menunjukkan baki ekuiti mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan (Lampiran A);	Tiga (3) tahun
2.	a) Dokumen permohonan pembaharuan lengkap ; b) Syarikat mencatatkan kerugian pada tahun semasa ; c) 'Statement Of Changes In Equity' menunjukkan baki ekuiti mematuhi / tidak mematuhi syarat modal berbayar diterbitkan (Lampiran A); d) 'Balance Sheet' menunjukkan syarikat mempunyai aset yang mencukupi untuk menjelaskan liabiliti syarikat; dan e) *Syarikat mengemukakan lesen kenderaan pelancongan (bas persiaran & kereta sewa pandu) . *Kriteria tambahan berkuatkuasa 1 Oktober 2017.	Dua (2) tahun
3.	a) Dokumen permohonan pembaharuan lengkap ; b) 'Balance Sheet' menunjukkan syarikat tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk menjelaskan liabiliti syarikat; Atau c) Dokumen permohonan pembaharuan tidak lengkap ; Atau d) Mengemukakan permohonan pembaharuan lesen melebihi tempoh 60 hari sebelum tempoh sah laku lesen tamat .	Tidak lulus

9. **Keputusan Permohonan:**

- **Surat makluman keputusan permohonan** akan dikemukakan ke alamat syarikat seperti yang dilesenkan.
- **Permohonan LULUS:**
 - Sebelum **lesen dan pelekat** diserahkan, syarikat hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - a) Menjelaskan fi lesen bagi **lesen ibu pejabat dan setiap pejabat cawangan** (jika ada); dan
 - b) Mengembalikan **lesen dan pelekat asal yang telah tamat tempoh sah laku kepada Pesuruhjaya Pelancongan** sebelum lesen dan pelekat baru diserahkan kepada syarikat.
 - c) **Mengemukakan sijil keahlian persatuan yang masih sah tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun.**
- **Permohonan DITOLAK:**
 - Sekiranya permohonan pembaharuan lesen ditolak, syarikat boleh melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - a) Mengemukakan **rayuan secara dalam talian melalui www.spip.gov.my dalam tempoh 14 hari** dari tarikh surat makluman keputusan dikeluarkan;
 - b) Mengemukakan **dokumen-dokumen berkaitan** berdasarkan alasan penolakan permohonan; dan
 - b) Menjelaskan **kompaun** bagi kesalahan di bawah **Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 (Akta 482)** dan / atau **Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999 (Akta 594)** bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (jika ada).

10. **Pengembalian Lesen / Tamat Tempoh Sah Laku Lesen:**

- a) Sekiranya syarikat gagal mengemukakan permohonan pembaharuan lesen hingga menyebabkan lesen yang diberikan **telah tamat tempoh sah lakunya melebihi 6 bulan** maka **dalam tempoh empat belas (14) hari** dari tarikh tamatnya tempoh sah laku lesen tersebut, **salinan asal lesen ibu pejabat dan lesen pejabat cawangan (jika ada) hendaklah dikembalikan kepada PESURUHJAYA PELANCONGAN;**
- b) Syarikat hendaklah dengan **serta-merta berhenti menjalankan atau mengendalikan apa-apa perniagaan yang berkaitan dengan lesen itu kecuali permohonan pembaharuan telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Pelancongan dan sedang diproses;** dan
- c) Kegagalan syarikat mematuhi **perenggan 9 (a) dan (b)** di atas boleh menyebabkan syarikat dikenakan tindakan undang-undang.

Fi lesen:

Bil.	Jenis Perniagaan	Tempoh Lesen	Fi Lesen (Ibu Pejabat) (RM)	Fi Lesen Tambahan (Pejabat Cawangan) (RM)
1.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	Satu (1) tahun	125.00	75.00
		Dua (2) tahun	250.00	150.00
		Tiga (3) tahun	375.00	225.00
2.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri	Satu (1) tahun	500.00	350.00
		Dua (2) tahun	1,000.00	700.00
		Tiga (3) tahun	1,500.00	1,050.00
3.	Perniagaan Agensi Pengembaraan	Satu (1) tahun	100.00	50.00
		Dua (2) tahun	200.00	100.00
		Tiga (3) tahun	300.00	150.00
4.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam dan Luar Negeri	Satu(1) tahun	625.00	425.00
		Dua (2) tahun	1,250.00	850.00
		Tiga (3) tahun	1,875.00	1,275.00
5.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	Satu (1) tahun	225.00	125.00
		Dua (2) tahun	450.00	250.00
		Tiga (3) tahun	675.00	375.00
6.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	Satu (1) tahun	600.00	400.00
		Dua (2) tahun	1,200.00	800.00
		Tiga (3) tahun	1,800.00	1,200.00
7.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam dan Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan	Satu (1) tahun	725.00	475.00
		Dua (2) tahun	1,450.00	950.00
		Tiga (3) tahun	2,175.00	1,425.00
8.	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam, Luar Negeri dan Perniagaan Agensi Pengembaraan dan Umrah	Satu (1) tahun	1225.00	825.00
		Dua (2) tahun	2,450.00	1,650.00
		Tiga (3) tahun	3,675.00	2,475.00

11. Tarikh Kuatkuasa:

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2017**.

LAMPIRAN D1

SYARAT PEMBAHARUAN LESEN BAGI PEMEGANG LESEN YANG MEMPUNYAI BIDANG PERNIAGAAN PELANCONGAN KE LUAR NEGERI (UMRAH)

1. Syarat-syarat permohonan:

- Syarikat mempunyai lesen dalam bidang IOTU yang masih sah.
- Syarikat hendaklah berstatus Existing (sertakan e-info SSM).
- Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang saham hendaklah **WARGANEGARA MALAYSIA** dan beragama **ISLAM**.
- Pegangan ekuiti syarikat HENDAKLAH 100% dimiliki oleh warganegara Malaysia yang beragama Islam.**
- Bebas daripada kompaun di bawah Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan (APKP) 1999 (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).**

2. Dokumen yang diperlukan:

- Salinan sijil KPPU yang dihadiri dalam tempoh tiga (3) tahun semasa dari mana-mana peringkat pegawai.**
- Sesalanan perjanjian terkini dengan Muasassah di Arab Saudi bagi syarikat berstatus Muasassah;**

atau
Sesalanan perjanjian kerjasama perniagaan yang terkini dengan sekurang-kurangnya dengan satu (1) syarikat berstatus Muasassah di Malaysia.
- Sesalanan dokumen polisi insurans takaful untuk melindungi setiap jemaah Umrah sekiranya berlaku kecemasan, penyakit dan kematian yang turut merangkumi perlindungan:**
 - Kemalangan diri ke atas jemaah;**
 - Kos rawatan perubatan;**
 - Penghantara balik jemaah disebabkan kesihatan;**
 - Pengurusan jenazah; dan**
 - Terkandas disebabkan faktor munasabah sebelum/semasa/ selepas perjalanan ke Mekah/Madinah**

- d) Sesalinan dokumen polisi insuran indemniti profesional (*professional indemnity insurance*).
- e) Sesalinan sijil keahlian MATTA atau BUMITRA yang masih sah sekurang-kurangnya 6 bulan semasa permohonan dibuat.
- f) Sesalinan carian status kebangkrapan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia bagi ahli lembaga pengarah dan pemegang saham.
- g) Apa-apa dokumen lain atas permintaan oleh Pesuruhjaya bagi maksud memproses permohonan.

3. Tatacara Permohonan:

- (a) Menggunakan Borang LKU/1 bagi permohonan tambah bidang (sehingga sistem SPIP dikemaskini).

Tarikh Kuatkuasa:

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai 01 OKTOBER 2017.

SYARAT-SYARAT PERATURAN LKU DI BAWAH 6(1)(N) BAGI PENGENDALIAN UMRAH



PESURUHJAYA PELANCONGAN KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

Saya Datuk Hj. Ab. Ghaffar bin A. Tambi, Pesuruhjaya Pelancongan dengan ini menetapkan syarat-syarat seperti di LAMPIRAN A yang perlu dipatuhi oleh semua pemegang lesen yang mengendalikan pakej umrah atau ziarah berkuatkuasa 01 Oktober 2017 selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan 6 (1)(n) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992 di mana "*Pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa*".

Kegagalan mana-mana pemegang lesen yang gagal untuk mematuhi syarat-syarat tersebut boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.

Datuk Hj. Ab. Ghaffar Bin A. Tambi
Pesuruhjaya Pelancongan

Rujukan : MOTAC.600-6/4/1(2)
Tarikh : 28 September 2017

LAMPIRAN A**a) Pemegang lesen yang mengendalikan pakej umrah atau ziarah:**

- 1) **HENDAKLAH** mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya terlebih dahulu bagi mengendalikan pakej umrah atau ziarah dengan mengemukakan permohonan.
- 2) **TIDAK** boleh melantik mana-mana pegawai pemasaran **TANPA** mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya (**mohon rujuk garis panduan permohonan melantik pegawai pemasaran**)
- 3) **HENDAKLAH** membantu untuk menguruskan pengangkutan bagi mana-mana jemaah yang hendak pulang awal atas sebab yang munasabah dari tanah suci atau mana-mana tempat yang dinyatakan dalam pakej dan pemegang lesen tidak akan bertanggungjawab di atas perbelanjaan tambahan yang tertanggung ke atas jemaah.
- 4) **TIDAK** dibenarkan mengiklankan sebarang iklan yang meragukan atau yang palsu atau mengelirukan kepada orang awam.
- 5) **HENDAKLAH** mendapatkan kelulusan daripada Pesuruhjaya bagi menjalankan perniagaannya di luar dari premis yang dilesenkan.
- 6) **HENDAKLAH** hanya menjalankan urus niaga kewangan di atas nama syarikat yang dilesenkan KPK sahaja dan **BUKAN** di atas nama Pengarah atau mana-mana individu lain.
- 7) **HENDAKLAH** mengeluarkan resit bayaran di atas nama setiap jemaah.
- 8) **HENDAKLAH** memastikan bahawa kemudahan:
 - a) penerbangan pergi dan balik;
 - b) penginapan;
 - c) pengangkutan di Makkah, Madinah dan tempat-tempat lain

yang termasuk di dalam jadual pakej umrah atau ziarah telah **DIMUKTAMADKAN** terlebih dahulu sekurang-kurangnya **7 hari sebelum Jemaah berlepas**.

- 9) **HANYA** dibenarkan untuk menggunakan Passenger Information (PI) Form cetakan komputer dan disahkan benar oleh syarikat Malaysia berstatus Muassasah sahaja.

b) Pemegang lesen yang mempunyai Muassasah:

- 1) **HANYA** boleh mengeluarkan visa setelah menyemak dan mengesahkan bukti insurans jemaah, tiket penerbangan dan bilik penginapan yang muktamad.
- 2) **TIDAK DIBENARKAN** mengeluarkan visa kepada mana-mana orang yang menguruskan perjalanan umrah atau ziarah secara sendiri (DIY) bagi dirinya atau mewakili mana-mana pihak lain.
- 3) **HENDAKLAH** menyediakan satu salinan cetakan komputer *Passenger Information (PI) Form* yang diakui sah benar bagi diserahkan kepada pegawai-pegawai diberi kuasa apabila diminta berbuat demikian.
- 4) **DILARANG** memberikan hak akses kepada mana-mana pihak untuk mengakses sistem Muassasah bagi tujuan menguruskan Visa Umrah.
- 5) **HENDAKLAH BERTANGGUNGJAWAB** ke atas semua jemaah yang menggunakan visanya untuk dibawa pulang ke Malaysia sekiranya terkandas, sakit, hilang dan sebagainya walaupun disebabkan oleh kegagalan pihak yang menggunakan visanya untuk menguruskan jemaah.
- 6) **HENDAKLAH** mengemukakan senarai jemaah yang telah diuruskan, hilang, terkandas, sakit, yang dibawa pulang atas apa-apa sebab tertentu dan sebagainya pada akhir setiap sesuatu musim umrah (27 Syawal setiap kalender Islam).
- 7) **HENDAKLAH** memaklumkan kepada Kementerian maklumat mengenai setiap syarikat yang membuat perjanjian dengannya dari masa ke semasa.
- 8) **HENDAKLAH** memastikan semua maklumat jemaah dan butiran pakej jemaah dimasukkan dalam apa-apa kaedah yang diarahkan oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa.

**SENARAI SEMAK BORANG PERMOHONAN LESEN PENGENDALI PELANCONGAN BIDANG
PERNIAGAAN PELANCONGAN KE LUAR NEGERI (UMRAH & ZIARAH)**

- 1) Nama Syarikat : _____
 2) No. KPK : _____
 3) Status Syarikat : Muassasah Tiada Muassasah
 4) Jenis Permohonan : Tambah Bidang Pembaharuan

Bil.	Perkara	Tandakan (x)
1.	E-info SSM syarikat	<input type="checkbox"/>
2.	Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham Syarikat HENDAKLAH 100% warganegara Malaysia yang beragama Islam SAHAJA (kemukakan setiap Kad Pengenalan atau sebarang dokumen pengesahan status warganegara dan agama).	<input type="checkbox"/> BERUARNA
3.	Salinan sijil Kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU) yang dihadiri dalam tempoh tiga (3) tahun daripada tarikh permohonan. (hanya peringkat Pengarah atau Ahli Lembaga Pengarah sahaja bagi tambah bidang)	<input type="checkbox"/>
4.	i) Sesalanan perjanjian terkini dengan Muassasah di Arab Saudi bagi syarikat berstatus Muassasah; atau ii) Sesalanan perjanjian kerjasama perniagaan yang terkini dengan sekurang-kurangnya dengan satu (1) syarikat berstatus Muassasah di Malaysia.	<input type="checkbox"/>
5.	Nota perlindungan (covernote) polisi insurans bagi setiap pakej Umrah merangkumi penyakit, kematian & kecemasan (rujuk garis panduan).	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan polisi indemnity insurance.	<input type="checkbox"/>
7.	Draf Cadangan Pakej Umrah & Ziarah yang akan ditawarkan (bagi tambah bidang sahaja).	<input type="checkbox"/>
8.	Keahlian Persatuan MATTA atau BUMITRA yang masih SAH (sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh permohonan).	<input type="checkbox"/>
9.	Surat kebenaran Ketua Jabatan (sekiranya pengarah/pemegang saham merupakan Kakitangan Kerajaan/Badan Berkanun yang sedang berkhidmat).	<input type="checkbox"/>
10.	Sesalanan carian status kebangkrapan dari Jabatan Insolvency Malaysia (bagi semua Pengarah, Pemegang Saham dan Syarikat).	<input type="checkbox"/>
11.	Salinan Lesen KPK.	<input type="checkbox"/>
12.	Fi proses:	
	i. RM 100.00 di atas nama PESURUHJAYA PELANCONGAN (Tambah Bidang)	<input type="checkbox"/>
	ii. RM 20.00 di atas nama PESURUHJAYA PELANCONGAN (Pembaharuan)	<input type="checkbox"/>

PERHATIAN:

Mana-mana orang yang membuat, secara lisan atau bertulis, menandatangani atau memberi apa-apa perisytiharan, penyahan, perakuan atau dokumen atau maklumat lain yang dikehendaki oleh Akta ini yang tak betul, tak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa butir adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya di bawah Seksyen 36 AIP 1992.

Tandatangan & nama pemohon

Disemak Oleh (petugas kaunter PLN)

Cop Syarikat

Nama:
Jawatan:
Tarikh:

Tarikh:

CONTOH SIJIL LESEN KHAS UMRAH



NO. SIRI :
KPK/LKU 0001

No. Lesen:
KPK/LN 1234

LESEN KHAS UMRAH

*Ini adalah untuk memperakui bahawa Syarikat
Ammar Izzaqi Travel & Tours
berafamat di
No: 9-5, Unggu Orkid Business Centre
Jalan Mergas Tua 4/7
43000 Kajang, Selangor*

*"adalah pada hari ini dilesenkan untuk
mengendalikan aktiviti perniagaan berkaitan dengan
Umrah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan
Akta Industri Pelancongan 1992 dan semua
peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya."*

*"Lesen ini adalah sah sehingga 14 haribulan
Jun 2018 melainkan jika dibatalkan terlebih
dahulu."*

"Bertarikh pada 03 haribulan Oktober 2017"






DATUK H. A. GHAFFAR A. TAMBIL
Pesuruhjaya Pelancongan



CARTA ALIRAN PERMOHONAN LESEN KHAS UMRAH



**PEGAWAI
PEMASARAN
UMRAH**

SYARAT-SYARAT PELANTIKAN PEGAWAI PEMASARAN UMRAH

OLEH PEMEGANG LESEN YANG MEMPUYAI BIDANG PERNIAGAAN UMRAH & ZIARAH

a) SYARAT PERMOHONAN:-

1. Permohonan HANYA boleh dikemukakan oleh pemegang lesen yang mempunyai bidang perniagaan umrah & ziarah sahaja;
2. Pegawai Pemasaran HENDAKLAH terdiri daripada:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Beragama Islam sahaja; dan
 - c) Tidak bankrap;
 - d) Tidak mempunyai sebarang rekod jenayah; dan
 - e) Mempunyai surat perlantikan dari pemegang lesen melantiknya.
3. HANYA dibenarkan untuk menjadi Pegawai Pemasaran kepada satu (1) syarikat yang mempunyai bidang perniagaan umrah & ziarah sahaja.

b) TANGGUNGJAWAB PEMEGANG LESEN:

1. Perlu mempunyai surat perlantikan sebagai Pegawai Pemasaran dari syarikat;
2. HENDAKLAH mengeluarkan surat perlantikan kepada Pegawai Pemasaran yang dilantik (tempoh sah lantikan adalah satu (1) tahun sahaja);
3. HENDAKLAH mengemukakan senarai Pegawai Pemasaran yang mengandungi
 - a) Nama;
 - b) Nombor kad pengenalan;
 - c) Alamat kediaman tetap;
 - d) Nombor telefon bimbit;
 - e) Salinan surat perlantikan sebagai Pegawai Pemasaran;
 - f) Salinan kad pengenalan Pegawai Pemasaran
 - g) Sesalinan carian status kebangkrupan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia; dan
 - h) Salinan surat kebenaran ketua jabatan (sekiranya berkaitan).

ke KPK senarai tersebut HENDAKLAH disahkan oleh MATTA atau BUMITRA;

- 4) PERLU menyemak dan memastikan bahawa Pegawai Pemasaran yang akan dilantik bukan Pegawai Pemasaran kepada pemegang lesen yang menjalankan aktiviti umrah & ziarah yang lain semasa permohonan dikemukakan;
- 5) TIDAK membenarkan pegawai promosi mengambil sebarang bayaran dari jemaah atau mana-mana pihak bagi tujuan yang berkaitan dengan pakej umrah atau ziarah.
- 6) HENDAKLAH memastikan Pegawai Pemasaran yang dilantik sentiasa memakai tag yang dikeluarkan oleh KPK semasa bertugas dan menjalankan tugas-tugas sebagai Pegawai Pemasaran;

- 7) Sebarang perubahan ke atas senarai Pegawai Pemasaran PERLU dimaklumkan ke Kementerian dalam tempoh 14 hari dan disahkan oleh MATTA atau BUMITRA;
- 8) Hendaklah menyerahkan semula kad Pegawai Pemasaran hari ke KPK dalam tempoh 21 bagi Pegawai Pemasaran yang telah :
 - a) Tamat tempoh;
 - b) Meletakkan jawatan;
 - c) Diberhentikan; dan
 - d) Meninggal dunia.


HUKUMAN:

Mana-mana syarikat yang melanggar syarat-syarat ini boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

REKA BENTUK PAS PEGAWAI PEMASARAN UMRAH



CARTA ALIRAN PERMOHONAN PAS PEGAWAI PEMASARAN UMRAH



PENGIKLANAN PAKEJ UMRAH

SENARAI SEMAK PERMOHONAN KELULUSAN IKLAN

Nama Syarikat :
No. KPK :
Alamat Syarikat :
Tarikh Permohonan :

BAHAGIAN A PERKARA YANG WAJIB DINYATAKAN DALAM IKLAN	Ditanda Oleh Pemohon (✓)	Untuk Kegunaan Pejabat (✓)
i) Nombor Lesen KPK		
ii) No. SSM		
iii) Alamat Premis yang dilesenkan		
iv) No. Telefon Pejabat / Faks		
v) Harga yang ditawarkan termasuk insurans		
vi) (merangkumi Kecemasan, Penyakit dan Kematian)		
BAHAGIAN B DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN SEKIRANYA ITEM BERIKUT DINYATAKAN DI DALAM IKLAN	Ditanda Oleh Pemohon (✓)	Untuk Kegunaan Pejabat (✓)
i) Rekaan Pengiklanan (wajib disertakan) – Pamflet/poster/brosur/iklan di suratkhabar/ <i>billboard</i> .		
ii) Penerbangan Terus – Salinan bukti wujudnya penerbangan pada tarikh yang diiklankan.		
iii) Penerbangan Catar – Salinan perjanjian sewaan dan jadual penerbangan.		
iv) Hotel – Salinan bukti perjanjian dengan hotel.		
v) Kemukakan bukti perlantikan sekiranya dinyatakan nama pegawai dan nombor telefon bimbit untuk dihubungi.		
vi) Kemukakan maklumat berkaitan dengan setiap item yang ditawarkan dalam pakej.		
vii) Pecahan bagi setiap item yang ditawarkan dalam pakej		

TARIKH DOKUMEN LENGKAP DITERIMA

TARIKH DIJANGKA LULUS

Perhatian:

Proses Permohonan Pengiklanan Pakej Umrah/Ziarah adalah 10 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima. Terima Kasih.

CONTOH IKLAN MENGIKUT SPESIFIKASI

ABC TOUR
UMRAH BERSAMA
ABC TOURS SDN BHD
12 Hari / 10 Malam

ABC TOUR SDN BHD (154865-W) KPL/LN-0123
NO 18, JALAN PRIMA KAJANG
TAMAN PRIMA KAJANG, KAJANG 43003 SELANGOR
www.abctour.com.my info@abctour.com.my

**PAKEJ
UMRAH BERSAMA
ABC TOUR**
12 hari 10 malam

Untuk Keterangan Lanjut
Sila Hubungi:

H.J. HAIRUDDIN (+6018 209 6263)
EN. SYED MUNIF (+6016 440 0578)
EN. ADNAN (+6019 961 3696)
HOT LINE (+603 8737 6398)

TARIKH PENERBANGAN

* 18 MAR 2017 - KUL - MED
* 28 MAR 2017 - JED - KUL
* 28 MAR 2017 - KUL - JED
* 07 APR 2017 - MED - KUL
* 07 APR 2017 - KUL - MED
* 17 APR 2017 - JED - KUL
* 17 APR 2017 - KUL - JED
* 27 APR 2017 - MED - KUL
* 27 APR 2017 - KUL - MED
* 07 MAY 2017 - JED - KUL
* 07 MAY 2017 - KUL - JED
* 17 MAY 2017 - MED - KUL
* 17 MAY 2017 - KUL - MED
* 27 MAY 2017 - JED - KUL
* 06 JUN 2017 - KUL - MED
* 16 JUN 2017 - JED - KUL

PAKEJ TERMASUK :-

- *3 kali umrah & Ziarah seperti di dalam aturcara
- *Bag Sandang, Beg Tarik & Bag Kasut
- *Makan & Sarapan, Tengahari & Malam
- *Pengangkutan Makkah dan Madinah
- *Penginapan di Makkah & Madinah
- *Tiket Penerbangan pergi & balik
- *Air Zam Zam (5liter)
- *Bimbingan Mutawif
- *Visa Umrah

**PERJALANAN
ROHANI
MENCARI REDHA
ILAH I**

Sekiranya dinyatakan no.tel, perlu buktikan adalah kakitangan syarikat.

*Perlu dinyatakan dalam iklan "harga termasuk insurans (kecemasan / kematian & penyakit)

Sekiranya menyatakan tarikh penerbangan buktikan penerbangan wujud pada tarikh tersebut bagi laluan tersebut

CONTOH IKLAN MENGIKUT SPESIFIKASI

Nama syarikat / No SSM / No. KPK / Alamat yang dilesenkan

Sekiranya dinyatakan menggunakan penerbangan Airbus 380, perlu kemukakan bukti

Perlu kemukakan bukti bahawa hotel ini telah ditempah atau kontrak dengan hotel Setaraf bermaksud sama nilai, sama bintang dan sama jarak

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN LESEN KHAS UMRAH

1. Apakah Lesen Khas Umrah (LKU)?

LKU adalah satu jenis tambah bidang bagi membolehkan mana-mana pengendali pelancongan berlesen yang mempunyai Inbound, Outbound dan Ticketing menjalankan aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan Umrah/Ziarah.

2. Siapakah yang layak memohon LKU?

Syarikat yang memenuhi syarat berikut adalah layak memohon:

- Beragama Islam dan merupakan warganegara Malaysia
- Mempunyai lesen IOT

3. Bagaimana cara untuk memohon LKU?

Buat masa ini permohonan hendaklah dikemukakan secara Manual melalui borang LKU/1.

4. Apakah syarat-syarat permohonan LKU?

- Beragama Islam dan merupakan warganegara Malaysia;
- Mempunyai lesen IOT;
- Mempunyai perjanjian dengan Muassasah di Arab Saudi atau dengan mana-mana syarikat berstatus Muassasah di Malaysia;
- Menghadiri kursus KPPU di peringkat Pengarah atau Pemegang Saham;
- Mengemukakan polisi insurans indemnity;
- Mengemukakan covernote insurans Jemaah; dan
- Syarat-syarat lain seperti di Senarai Semak Borang LKU/1

5. Bagaimana sekiranya saya tidak mempunyai muassasah di Arab Saudi, adakah saya masih layak memohon?

Syarikat boleh memohon menjadi sub ejen yang wajib mempunyai perjanjian dengan mana-mana syarikat pengendali pelancongan berlesen Malaysia berstatus muassasah dan mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan.

6. Di manakah LKU boleh dipohon?

Di mana-mana pejabat KPK Negeri

- 7. Berapakah kadar fi bayaran bagi permohonan LKU?**
Fi proses adalah RM 100 bagi permohonan tambah bidang dan RM20 bagi pembaharuan, manakala fi lesen adalah RM 500 bagi setiap satu lesen.
- 8. Apakah kaedah pembayaran bagi permohonan LKU?**
Boleh dibuat secara bank draf dan atas talian (online).
- 9. Berapa lama tempoh masa pemprosesan permohonan LKU sehingga kelulusan dikeluarkan?**
20 hari bekerja.
- 10. Bagaimana cara untuk mengetahui dan menyemak keputusan permohonan LKU?**
Boleh menghubungi pejabat MOTAC Negeri atau Ibu Pejabat. Satu salinan keputusan akan dihantar terus ke alamat syarikat.
- 11. Bolehkan rayuan dibuat sekiranya permohonan LKU tidak berjaya?**
Rayuan boleh dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan ditolak.
- 12. Apakah tindakan yang akan dikenakan bagi syarikat yang tiada LKU?**
Bagi syarikat yang tidak mempunyai LKU boleh dikenakan tindakan kompaun atau didakwa di Mahkamah dengan nilai denda adalah tidak lebih dari RM 10,000.00.
- 13. Bagaimana sekiranya saya tidak memohon lesen LKU walhal saya mempunyai Outbound?**
Hanya syarikat yang mempunyai bidang U sahaja dibenarkan untuk mengendalikan aktiviti Umrah dan syarikat boleh dikenakan tindakan kompaun atau didakwa di Mahkamah atas kesalahan beroperasi mengendalikan aktiviti Umrah tanpa Lesen Khas Umrah.
- 14. Bagaimana sekiranya saya telah mempunyai Jemaah sehingga Mac 2018 dan saya masih belum mematuhi syarat-syarat permohonan LKU?**
Mana-mana syarikat yang tidak mempunyai LKU mulai 1 Oktober 2017 perlu menghentikan serta merta semua operasi berkaitan dengan pengendalian perniagaan Umrah sehingga mendapat lesen. Syarikat boleh dikenakan tindakan kompaun atau didakwa di Mahkamah atas kesalahan beroperasi mengendalikan aktiviti Umrah tanpa Lesen Khas Umrah.
- 15. Adakah saya masih boleh menjual pakej umrah sehingga saya mematuhi syarat-syarat LKU selepas 1 Oktober 2017?**
Tidak dibenarkan.